

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

PLG 123 Pengantar Paduan Kepada Pengajaran

Masa : [3 jam]

-----

Kertas soalan ini mengandungi dua Bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab SATU soalan daripada Bahagian A dan TIGA soalan daripada Bahagian B. Soalan-soalan dalam Bahagian B hendaklah dijawab dengan ringkas. Mulakan setiap jawapan pada helaian baru.

BAHAGIAN A

1. Mengapakah pengetahuan di dalam ilmu-ilmu falsafah, psikologi dan sosiologi pendidikan adalah penting untuk guru? Bagi setiap disiplin tersebut beri contoh-contoh yang kukuh untuk menyokong pendapat anda.  
(25 markah)
2. Untuk menjadikan pengajaran berkesan, guru perlu menguruskan bilik darjah dengan sempurna. Bincangkan sekurang-kurangnya empat (4) faktor yang boleh membantu guru menguruskan bilik darjah dengan sempurna.  
(25 markah)

BAHAGIAN B

Jawapan untuk setiap soalan dalam bahagian ini tidak boleh melebihi dua (2) muka kertas jawapan.

3. Huraikan 4 (EMPAT) aspek penting yang terkandung di dalam etika profesion perguruan. Beri sekurang-kurangnya satu contoh yang jelas bagi tiap-tiap aspek tersebut.  
(25 markah)

...2/-

4. Buat catatan ringkas apa yang anda faham mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) Pengajaran
- (b) Pendidikan
- (c) Penilaian bilik darjah
- (d) Pengukuhan

(25 markah)

5. Beri huraian ringkas bagaimana faktor-faktor berikut mempengaruhi pembelajaran kanak-kanak sekolah.

- (a) Keluarga
- (b) Rakan sebaya
- (c) Persekitaran
- (d) Guru

(25 markah)

6. Berikut adalah beberapa perkara penting yang perlu ada di dalam pengajaran. Tuliskan nota-nota ringkas mengenainya.

- (a) Objektif Khas
- (b) Induksi Set
- (c) Alat Bantu Mengajar
- (d) Aktiviti Pengajaran

(25 markah)